




YAB. MENTERI BESAR TERENGGANU LAWAT PROJEK KELOIL



ADA 29 Syaaban 1421, YAB. Tuan Guru Hj. Abdul Hadi Awang, Menteri Besar Terengganu bersama rombongan yang terdiri daripada Ahli-Ahli Exco dan

Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Negeri telah mengadakan lawatan kerja ke Kelantan. Setibanya rombongan berkenaan di Kompleks Kota Darulnaim, mereka diberi taklimat khas mengenai perancangan serta pencapaian kerajaan negeri Kelantan yang disampaikan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN).

Selesai taklimat tersebut, ahli-ahli rombongan melawat projek Keloil di Pantai Senok, Bachok. Rombongan Kerajaan Terengganu itu telah dibawa melawat kilang membuat selinder gas dan kemudiannya disusuli dengan taklimat mengenai aktiviti-aktiviti semasa serta program jangka pendek dan jangka panjang yang akan dijalankan oleh Keloil. Taklimat tersebut yang disampaikan oleh En Wan Zulkifl Wan Yusoff, Ketua Eksekutif PKINK. Di akhir lawatan mereka meninjau kerja-kerja pengisian gas untuk edaran serantau. Turut hadir pada lawatan itu, Menteri Besar Kelantan Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat, timbalannya, Us. Abdul Halim Abdul Rahman dan anggota-anggota Exco.



PESANAN KORPORAT

RAMADHAN yang penuh berkat dan limpahan rahmat telah pun berlalu, kemeriaban Aidilfitri kian meniti ke bujung Syawal, lantaran itu bolehlah kita memujuk hati dan mengajak diri untuk bermubasabab demi menyelesaikan segala bentuk permasalahan dalam menjalani tugas-tugas sebarian kita. Sesuati dengan kedatangan tahun baru 2001 maka bermulalah cabaran baru yang perlu kita badapi. Apapun situasi atau senario yang akan kita tempubi, pastinya kita perlu melunaskan segala tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kita dengan sebaik-baiknya.

Renungkan dan sedarlah siapa kita? Dalam taksud dan keghairahan kita mengejar kejayaan, memburu kemewahan bahkan memenuhi segala impian, kita sering terlupa tentang diri, peranan dan di mana kita patut berada. Sesungguhnya tidak ada dari kalangan kita yang ingin mencari bala atau menempah sengsara, namun yang pasti kita berada di tengah-tengah masyarakat. Lantas segala tindak-tanduk kita akan menjadi perhatian orang keliling. Tahun 2000 menyaksikan banyak termasuk media yang begitu berani menuding jari menidakkan kewibawaan dan keupayaan kita secara bentam kromo.... sedarlah kita. Penutupan beberapa syarikat yang mengalami kerugian, penstrukturan semula organisasi termasuk penempatan semula anggota begitu menyulitkan.... insaflah kita. Untung atau rugi sesuatu perniagaan yang kita jalankan adalah tanggungjawab kita bersama. Dalam hubungan ini, perlu ada perkongsian bijak sesama kita; perkongsian yang merangkumi pengetahuan akademik, kebolehan semasa, kesanggupan menilai masa silam dan keupayaan memantau masa depan. Kesemua ini perlu diadun dan diolah dengan ikatan kekeluargaan yang saling bormat-mengbormati dan memerlukan di antara satu sama lain.

Pihak pengurusan juga telah mengadakan pelbagai program latihan untuk anggota-anggota kumpulan demi melabirkan anggota yang berperibadi mulia dan berbudi lubur. Semoga basrat memperkenalkan konsep bekerja sambil beribadat akan terlaksana. Insya Allah.

"UNTUK MERASA BAHAGIA, KEKAYAAN DAN KEMEWAHAN BUKANLAH SEGALANYA. MENERIMA DAN MENGHORMATI KEHADIRAN ORANG LAIN DENGAN SEADANYA AKAN MENGISI JIWA YANG KOSONG DAN MELERAIKAN SEGALA KEKUSUTANNYA."

Salam Editor

Sidang Editor

Penaung:

En. Wan Zulkifle b. Wan Yusoff

Ketua Editor:

Hj. Hanifa Ahmad

Editor:

Tn. Hj. Baharuddin Harun

Pen. Editor:

En. Mohd. Adilan Mat Jusoh

Pn. Ahlaami Hj. Ab. Halim

Pn. Nik Farzimar Nik Omar

Pn. Teh Mariam Mohamed

En. Wan Azizan Wan Yaakub

YM. Tengku Petra Tengku Wook

En. Mohd Ramli Hj. Hamzah

Jurufoto:

En. Rusli Hj. Ismail

En. Nik Ayub Nik Him

Berita Kumpulan PKMK

diterbitkan oleh:

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

PERBADANAN KEMAJUAN

IKTISAD NEGERI KELANTAN

Tingkat 8-11, Bangunan PKINK

Jalan Tengku Maharani

Peti Surat 142

15710 Kota Bharu

Kelantan Darul Naim.

Rekabentuk dan Dicitak oleh:

PERCETAKAN & PERNIAGAAN

NIK DAUD SDN BHD

3512-P, Jalan Sultanah Zainab

15050 KOTA BHARU

KELANTAN DARULNAIM

Tel : 09-7483466

Fax : 09-7447233

KEDATANGAN RAMADHAN DISAMBUT DENGAN PENUH RASA KEHAMBAAAN

27

November 2000 bersamaan 1 Ramadhan 1421 merupakan tarikh yang penuh makna bagi umat Islam kerana telah memulakan ibadat puasa sempena bermulanya bulan mulia yang penuh berkat serta rahmat Allah melimpah ruah.

Sebagaimana tabun-tabun sebelumnya, PKINK telah menyusun program ibadat dan kebajikan yang dikendalikan di sepanjang badirnya Ramadhan. Program bermula seawal jam 8.00 pagi bilamana seluruh Bangunan PKINK telah diperdengarkan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan disusuli pula dengan sembahyang sunat Dhuha berjemaah pada jam 8.30 pagi. Tadarus Al-Quran yang melibatkan semua anggota PKINK dimulakan pada jam 12.00 tengahari, diikuti dengan sembahyang Zohor berjemaah dan di akhiri dengan bacaan ta'alim.

Pada 9 Ramadhan, Majlis Berbuka Puasa Anggota-Anggota PKINK telah diadakan. Majlis yang diadakan di Surau PKINK turut dibiadiri oleh YAB. Tuan Guru Menteri Besar Kelantan. Sementara menantikan waktu berbuka, YAB. Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat telah menyampaikan tafsir dan pengertian Al Quran dan di antara intipatinya ialah umat Islam digalakkan supaya berbuat baik kepada jiran tetangga kaum kerabat, bahkan bendaklab sentiasa berlaku adil kepada sesama insan. Hari keesokannya iaitu 10 Ramadhan, sebahagian pegawai dan anggota telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa dengan penduduk Kg. Wakaf Bunut Limbongan, Pasir Puteh. Kampung tersebut dipilih sebagai Desa Taqwa Terbaik tabun 2000.

Lain-lain program yang telah disusun dan diteruskan hingga ke penghujung Ramadhan ialah 'Majlis Ibadat Malam' dan 'bersabur', berbuka puasa dengan pelajar-pelajar sekolah pondok. Selain itu, berbuka puasa dengan anak-anak yatim serta penyampaian sumbangan kepada keluarga fakir miskin.

Apa pun yang kita buat pastinya mengharapkan keredhaan Allah jua. Melewati Ramadhan bukanlah sebagai satu tradisi sekadar berlapar dabaga, namun yang pastinya ialah rasa insaf dengan penuh kebambaan semoga keresaban di jiwa akan terbindar.



PKINK ANJUR KURSUS BIMBINGAN ANGGOTA WANITA

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) tidak pernah membezakan anggota-anggota wanitanya, malah mereka sentiasa diberi perhatian dan hak yang sama rata setanding anggota-anggota lelaki. Dalam konteks ini pihak pengurusan PKINK telah memainkan peranan yang sewajarnya membimbing serta memartabatkan kedudukan wanita khususnya anggota-anggota wanita Kumpulan PKINK.

Pada 9 dan 10 Syaaban yang lalu, pihak pengurusan telah menganjurkan kursus bimbingan khusus untuk wanita. Kursus selama dua hari itu dihadiri 210 anggota wanita dalam kumpulan termasuk beberapa orang isteri pegawai. Memandangkan sambutan yang diberikan cukup menggalakkan peserta kursus terpaksa dibahagikan kepada dua sesi iaitu kira-kira 100 orang untuk setiap sesi, bertujuan untuk memberikan lebih tumpuan di kalangan penceramah dan peserta.

Setiap anggota yang menghadiri kursus berkenaan merasakan diri mereka amat bertuah biar pun masa kursus agak singkat. Namun ia begitu padat dengan isu-isu semasa terutamanya yang berkaitan dengan wanita. Buat permulaannya, para peserta telah didedahkan dengan tajuk yang agak umum, namun masih memfokuskan tentang kedudukan, peranan serta keistimewaan wanita. Ini merangkumi soal-soal keagamaan, soal aurat, tanggungjawab dalam organisasi serta peranan sebagai seorang isteri dan ibu kepada anak-anak.

Di akhir sesi kursus, para peserta telah mengambil peluang untuk mengajukan beberapa persoalan yang berkait rapat dengan wanita serta kehidupan sebarian mereka. Lantaran itu banyak persoalan



serta kekeliruan dapat dileraiakan. Banyak pendapat serta pandangan yang sebelum ini yang diutarakan oleh banyak pihak banya berasaskan kepada logik akal dapat diperjelaskan lagi dengan mengemukakan keadaan sebenarnya dan nas-nas yang terkandung dalam Islam. Menerusi borang kajiselidik yang diedarkan untuk mendapatkan pandangan serta tindakbalas peserta, pihak pengurusan mendapati hampir 90% anggota yang menghadiri kursus ini mengbarapkan agar ia akan ada kesinambungannya. Malahan ramai yang berharap agar ia dijadikan acara bulanan yang mengkhususkan tajuk-tajuk tertentu pada setiap sesi. Sehubungan itu pihak pengurusan kini sedang membuat penilaian bagi mempertimbangkan cadangan tersebut. Insya Allah dapat diteruskan.

CAWANGAN BARU AR-RAHN DI JALAN DATO' PATI



ATLAMAT PERMODALAN KELANTAN BERHAD merealisasikan visi berteraskan Islam bagi memenuhi aspirasi Kerajaan Negeri Kelantan untuk menerapkan nilai-


nilai Islam dalam pentadbiran, dimulai dengan penubuhan Sistem Gadaian Islam (Ar-Rahn). Projek yang dikendalikan PKB merupakan yang pertama di negara ini. Ia dimulakan pada tahun 1992. Kejayaan projek yang dirintis Permodalan ini telah mendorong sistem gadaian Islam berkembang ke seluruh negara apabila institusi-institusi kewangan dan koperasi mula menggunakan konsep dan kaedah yang dipraktikkan oleh Ar-Rahn cawangan pertama di Kota Bharu, Kelantan.

Ar-Rahn kini telah menjadi satu institusi yang dikenali bukan sahaja di Kelantan, bahkan di Malaysia. Peranannya sebagai institusi pinjaman yang bermuamalat secara yang dihalalkan syarak telah mengubah pandangan masyarakat terhadap sistem pajak gadai. Ia bukan sahaja telah berjaya membantu golongan yang kurang berada tetapi juga golongan pertengahan yang memerlukan kecairan segera boleh didapati tanpa ragu-ragu. Ibadanya yang ingin menampung pembelajaran anak-anak ke institusi pengajian tinggi juga boleh mendapat kemudahan melalui Ar-Rahn. Ini secara tidak langsung merealisasikan visi Permodalan bagi menjana generasi baru khususnya rakyat Kelantan yang berilmu.

Kini penerimaan Ar-Rahn oleh sebahagian besar rakyat Kelantan sebagai alternatif kepada sistem gadaian konvensional boleh dibanggakan, di mana permintaan terhadap Ar-Rahn amatlah tinggi. Kejayaan ini telah menarik perhatian Permodalan

untuk membuka lebih banyak cawangan Ar-Rahn di negeri Kelantan.

Penglibatan secara usahasama dengan KOOP-PKB Permodalan Kelantan Berhad dalam perkhidmatan gadaian Islam adalah sangat bererti dalam usaha membantu penerapan nilai-nilai Islam dalam perekonomian negeri. Ar-Rahn pertama kendalian KOOP-PKB mula beroperasi pada April tahun 1998, di Tanah Merah dan pada Disember tahun 1999 di Pasir Puteh.



Kini pada tanggal 7 Rejab 1421 bersamaan 5 Oktober 2000, satu majlis pelancaran Ar-Rahn Kota Bharu 2 oleh YAB Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat sempena beroperasinya cawangan yang ketiga ditubuhkan oleh KOOP-PKB. Penubuhan Ar-Rahn Kota Bharu 2 turut mendapat kerjasama sebuah syarikat pengurusan aset dari Kuala Lumpur.

Ar-Rahn Kota Bharu 2 terletak di Lot 7,

Tingkat 1, Bangunan Kompleks Niaga Tabung Haji (Tabung Haji Lama) Jalan Dato. Pati, 15000 Kota Bharu, Kelantan Tel : 09-7470500 Faks : 7472500.

Insyallah berkat sokongan dan kerjasama pelbagai pihak, Permodalan akan terus berusaha untuk memperluaskan rangkaian Ar-Rahn ke beberapa kawasan bertujuan menghapuskan amalan riba dalam sistem pajak gadai konvensional. Usaha murni ini telah berjaya mengubah imej pajak gadai dan mengangkat martabat operasinya kepada sebuah institusi pinjaman yang berwibawa.

PAMERAN SEMPENA ULANGTAHUN KE - 10 DASAR MEMBANGUN BERSAMA ISLAM



OKTOBER 2000, genaplah usia 10 tahun Kerajaan Negeri Kelantan memperkenalkan 'Dasar Membangun Bersama Islam' dalam

urusan pentadbiran di negeri ini. Sehubungan itu, majlis sambutan ulangtahun dasar berkenaan diadakan di Kota Bharu, pada bulan Rejab lalu. Pameran tersebut disertai agensi-agensi kerajaan negeri termasuk PKINK. Pameran berkenaan cuba memperlihatkan kejayaan kerajaan Kelantan dari pelbagai aspek.

Selain itu, pameran tersebut juga dapat menangkis sebarang dakwaan atau laporan berat sebelah yang seringkali menidakkan ketelusan malahan keupayaan dasar tersebut. Pameran itu diadakan selama empat hari. Pameran ini yang diadakan khusus sempena 'ULANGTAHUN KESEPULUH DASAR MEMBANGUN BERSAMA ISLAM', diadakan pada 24-27 Rejab 1421 bertempat di Gelanggang Seni, Kota Bharu. Kesemua agensi di bawah kerajaan negeri telah menyertai pameran tersebut.

PKINK dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya turut tidak melepaskan peluang. Penyertaan Kumpulan PKINK adalah menyeluruh iaitu merangkumi semua sektor yang diceburi seperti pertanian, perhutanan, perlombongan, perladangan, gas asli, perindustrian, pembinaan, kuari dan sebagainya. Selain daripada mempamerkan keupayaan dan pencapaian sebenar, pameran ini juga digunakan sepenuhnya oleh PKINK untuk membersihkan imej serta meleraikan beberapa kekeliruan yang timbul berikutan terdapatnya laporan-laporan negatif yang telah dilemparkan oleh beberapa pihak terhadap agensi kerajaan negeri tersebut.

**PKINK - PENGGERAK PEMBANGUNAN
UMMAH - DULU, KINI DAN SELAMANYA.**



MAKMAL SIBER PKINK MULA BEROPERASI



Melalui penubuhan Makmal Siber ini, latihan dan kursus secara 'in-house' dapat diadakan secara lebih kerap dan efektif kerana anggota akan mendapat manfaat yang lebih melalui pendekatan yang 'informal' dan 'personal' di samping dapat menghadiri latihan dalam suasana lebih selesa. Jadual Latihan pula lebih fleksibel dan tidak terikat kepada pihak pengendali.

Bahagian MIS serta Bahagian Latihan bekerjasama dalam merangka jenis-jenis latihan dan kursus yang perlu dibuat mengikut kesesuaian tahap keperluan anggota PKINK khususnya dalam bidang IT. Program ini di peringkat awal akan merangkumi anggota ibu pejabat dan seterusnya akan dilanjutkan pula kepada anggota Kumpulan. Modul latihan disusun khas bersesuaian dengan keperluan dan tahap pengetahuan anggota, sehingga kini program ini menampakkan kejayaan melalui maklum balas positif dari anggota sendiri.

Penubuhan Makmal Siber ini turut mendapat sokongan padu dari pihak pengurusan dengan mencadangkan penambahan makmal kepada dua buah yang kini dilengkapi dengan sejumlah 20 buah komputer. Pihak pengurusan juga berhasrat untuk memberi peluang latihan komputer kepada bukan anggota PKINK sahaja malahan kepada lain-lain jabatan serta agensi kerajaan Negeri Kelantan dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

Semoga hasil usaha semua pihak di PKINK mendapat kerahmatan dan keberkatannya dan seterusnya mencapai matlamatnya.



SYUKUR ke hadirat Illahi pada 9 Rabiul Akhir 1421 bersamaan 11 Julai 2000, Makmal Siber PKINK memulakan operasinya melalui kelas pertamanya Modul 1 - Pengenalan Kepada Komputer.

Penubuhan Makmal Siber merupakan sebahagian lagi usaha bagi melengkapkan anggota Kumpulan PKINK dalam bidang IT yang semakin hari menjadi satu keperluan dalam kehidupan baik dari segi menjalankan tugas mahupun pembangunan se-sebuah keluarga.

Bertempat di Tingkat 7, Bangunan PKINK Makmal Siber yang diletak di bawah selenggaraan Bahagian MIS. Makmal dimulakan dengan tujuh buah komputer dan sebuah LCD projektor. Makmal ini memuatkan se-kurang-kurangnya enam orang pelajar bagi setiap sesi latihan, manakala tenaga pengajar adalah dari kalangan anggota PKINK sendiri.

Penubuhan Makmal Siber ini mempunyai objektifnya tersendiri untuk meningkatkan tahap pengetahuan IT kepada anggota, di samping dapat mengadakan latihan-latihan serta kursus-kursus secara 'in house'. Ia juga dapat mengurangkan kos menghadiri latihan atau kursus-kursus di luar, terutamanya yang berkaitan dengan IT. Penubuhannya juga merupakan salah satu langkah ke arah memaksimumkan infrastruktur IT yang sedia ada.



BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT TINJAU PROJEK KPKB



BAHAGIAN Pengurusan Maklumat (MIS) telah mengambil inisiatif melawat Projek Pejabat Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) dan anak-anak syarikatnya bertujuan


membangun laman web KPKB yang mana akan digabung dengan laman web PKINK. (<http://www.pkink.gov.my>).

Dengan menaiki dua buah kenderaan, anggota MIS bertolak ke Ibu Pejabat KPKB, Jalan Bayam, Kota Bharu pada 11 Sya'ban 1421 (8 November 2000), mulai jam 9.30 pagi. Ketibaan rombongan MIS telah disambut oleh Pengurus Besar KPKB dan anggotanya. Kemudian rombongan telah dibawa ke bilik taklimat. Taklimat menyentuh pelbagai kegiatan syarikat termasuk anak syarikatnya. Antara perubahan penting yang telah dibuat oleh syarikat ialah R & D tanaman alternatif kepada tembakau, di mana jagung telah dikenalpasti sebagai tanaman paling sesuai.

Tempat kedua yang dilawati ialah kilang memproses makanan dan minuman terletak di Kampung Beris, Bachok. Di kilang ini, jus roselle diproses dan dibotolkan. Pohon roselle ditanam sendiri oleh syarikat. Dan dengan menggunakan kemudahan yang ada di kilang ini, ikan sardin/ ayam sardin boleh diproses. Peralatan di kilang ini adalah 'up-to-date', mempunyai penjana wap, conveyor belt dan lain-lain.

Tempat yang terakhir dilawati pada hari itu ialah kilang penetasan anak ayam yang terletak di Jajahan Machang iaitu Murni Hatchery, salah sebuah anak syarikat KPKB yang berdaya maju - mempunyai kawasan yang luas dan eksklusif, kawalan mutu yang standard dibawah penyeliaan seorang doktor veteriner yang mahir. Prosedur kawalan mutu yang ketat dilaksanakan di kilang ini. Umpamanya, pelawat-pelawat yang hendak meninjau reban ayam induk dari dekat hendaklah melalui proses nyah kuman iaitu mandi dan memakai pakaian khas.

KPKB merupakan pemangkin kegiatan pertanian negeri Kelantan. Kegiatan-kegiatan lain KPKB termasuklah mengusaha ladang buah-buahan, pengilang baja dan membuat makanan ayam.



Seminar Keusahawanan Program Usahawan Muda (PUM) 2000



ELAKU Sekretariat PUM Negeri Kelantan, Bahagian Pembangunan PKINK telah menganjurkan Seminar PUM 2000 pada 24 September hingga 1 Oktober lalu yang

bertujuan untuk melengkapkan kefahaman ahli-ahli PUM khususnya mengenai aspek-aspek teoritik yang relevan dalam disiplin keusahawanan di samping latihan perniagaan yang telah mereka praktikkan dalam PUM di sekolah masing-masing. Seminar tersebut diadakan sehari di setiap lima zon yang telah ditetapkan iaitu Kota Bharu, Pasir Puteh/Bachok, Machang/Tanah Merah/Jeli, Gua Musang dan Rantau Panjang.

Berbagai topik telah diatur dan disusun seperti *Tatacara Pelaksanaan PUM*, *Motivasi*

Keusahawanan, Asas Perakaunan & Kewangan Syarikat PUM dan Konsep Pemasaran & Pengeluaran Syarikat PUM. Pegawai PKINK yang terlibat dengan program tersebut iaitu En. Rusli Ismail, En.

Mohamad Hamran Mohamad dan En. Wan Azizan Wan Yakob dan seorang guru yang merupakan pakar motivasi, En. Wan Yusoff Wan Mustafa dari Sekolah Menengah Temangan berjaya meningkatkan minat dan kefahaman para pelajar terhadap PUM.



Seminar tersebut telah berjaya memberi manfaat kepada lebih dari 500 pelajar ahli PUM dari 20 buah sekolah dari seluruh Kelantan. Jabatan Pendidikan Kelantan dan Yayasan Islam Kelantan juga telah memberi kerjasama dalam menjayakan Seminar PUM 2000 tersebut. ?



PERDANA RESORT ANJURKAN ACARA KUALA KOH TREASURE HUNT 2000

P

PERDANA RESORT P.C.B BEACH dengan kerjasama pihak Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia (MTPB), Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan Yauddin Holidays and Tour telah menganjurkan

acara Kuala Koh Treasure Hunt 2000 pada 22 dan 23 Rejab 1421 bersamaan 20 dan 21 Oktober 2000. Penganjuran acara ini bertujuan untuk mempromosikan Kuala Koh sebagai destinasi pelancongan di samping mempertingkatkan aktiviti industri tersebut di Negeri Kelantan Darulnaim.

Seramai 80 peserta dan 40 petugas urusetia menyertai acara yang julung-julung kali diadakan di Negeri Cik Siti Wan Kembang ini. Penyertaan peserta pada kali ini cukup memuaskan manakala sumbangan berupa pelbagai bentuk tajaan dari pelbagai pihak amat menggalakkan. Ini termasuklah sumbangan dari syarikat-syarikat seperti Agro Mas, Celcom, Proton dan BSN yang merangkumi sumbangan wang tunai dan barangan cenderahati. Turut memberikan kerjasama dalam mengendalkan acara ini ialah Jabatan Perhilitan, Taman Negara Kuala Koh dan Mini Zoo Kuala Krai.

Acara tersebut dirasmikan oleh YB Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman, Timbalan Menteri Besar Kelantan pada 22 Rejab 1421 (20 Oktober 2000) tepat jam 10.00 pagi bertempat di perkarangan Perdana Resort. Di mana sebanyak 40 buah kenderaan peserta telah dilepaskan. Para peserta yang menyertai acara ini merasakan ia cukup berbaloi kerana

dengan yuran penyertaan sebanyak RM99.00 seorang merangkumi kos penginapan dan makan minum sepanjang acara berlangsung. Antara tempat yang disinggahi dan dilawati ialah Masjid Kampung Laut Nilam Puri, Tempat Perkelahan Lipur, Bukit Bakar Machang, D'Bali Boat Villa, Tok Bali Pasir Puteh, Naga Berkembar (Twin Dragon) Kampung Balai Bachok, Mini Zoo/Muzium Kuala Krai dan Taman Negara Kuala Koh. Selain daripada kegiatan ekspedisi, para peserta telah diberikan soalan-soalan mencari harta karun, di samping menyumbangkan pakaian terpakai kepada masyarakat Orang Asli di Kuala Koh.

Majlis penutupan rasmi acara tersebut telah disempurnakan oleh Ybrs En. Mohd Shaufi Ahmad, Pengurus Besar Perdana Resort pada majlis makan malam. Di mana para pemenang dan para peserta telah menerima hadiah masing-masing.

Berdasarkan kepada sambutan penyertaan serta kerjasama dari pelbagai agensi, Perdana Resort selaku penganjur dan lain-lain syarikat penyumbang dengan rasminya melancarkan satu lagi acara Treasure Hunt yang dijangka akan diadakan pada bulan April 2001 yang dikenali sebagai Panduria Kota Bharu - Kenyir 2001.

Adalah menjadi harapan semua pihak yang terlibat, agar acara bakal dianjurkan kelak m e n d a p a t sambutan lebih hebat memandangkan ia bertujuan untuk memperkenalkan destinasi-destinasi pelancongan yang menarik di Pantai Timor khususnya di negeri Kelantan dan Terengganu. Jumpa lagi 2001. Okey.....



SELAMAT BERSARA BUAT HJ. WAN ISMAIL

PKINK mengucapkan selamat bersara buat Pembantu Tadbir Kanan, Tuan Hj. Wan Ismail Wan Abdullah yang bersara wajib pada 10 November 2000. Beliau yang dilahirkan pada 10 November 1945 telah menganggotai PKINK pada 1 Julai 1972 sebagai Kerani Akaun.

Berdasarkan kepada pencapaian cemerlang beliau dalam melaksanakan setiap tugas bahkan peranan dan penglibatan langsung dalam menonjolkan imej PKINK maka pada 1 Disember 1994 beliau telah ditempatkan di Kota Darulnaim Sdn. Bhd. sebagai Penolong Pengurus Pentadbiran. Pada 1 Ogos 1996 beliau ditempatkan semula di Jabatan Pengurusan Sumber Manusia sebagai Pembantu Tadbir Kanan sehinggalah beliau menamatkan perkhidmatan pada 10 November 2000 kerana bersara wajib.

Pihak pengurusan dan seluruh warga PKINK mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan di atas segala bentuk sokongan, kerjasama dan kecemerlangan yang disumbang beliau, seiring dengan perkembangan dan pencapaian PKINK. Buat Hj. Wan Ismail didoakan agar sentiasa sihat dan sejahtera, bahkan berbahagialah hendaknya di samping keluarga tercinta.

“ Kalau ada sumur di ladang, boleh kita menumpang mandi
Kalau ada umur yang panjang, boleh kita berjumpa lagi...”



KSK PKINK SUMBANG PEMBANGUNAN BADMINTON KELANTAN

ADA 26 - 27 Oktober 2000, Persatuan Badminton Kelantan telah mengadakan Kejohanan Badminton Tertutup Kelantan. Mohd Asiff Idris seorang ahli KSK PKINK dan bekas pemain nombor satu Kelantan telah turut sama pada kejohanan tersebut dalam ketogerri veteran 40 tahun ke atas. Untuk kali kedua berturut-turut Mohd Asiff telah muncul sebagai johan di dalam acara individu dan bergu.

Sementara itu pada satu perlawanan persahabatan badminton yang dikenali sebagai "Good Will Game 2000" di antara Negeri Kelantan dan Wilayah Narathiwat telah diadakan di Golok pada 28 Oktober 2000. Pemain KSK PKINK, Mohd Asiff turut membantu Kelantan memenangi perlawanan persahabatan tersebut dengan kiraan 7-4.

RENUNGAN

“ Abdullah Bin Mas'ud berkata:

Tunaikan apa yang telah diwajibkan Tuhan keatasmu maka engkau akan menjadi orang yang paling hebat ibadahnya. Jauhilah larangan-larangan Allah maka engkau akan menjadi orang yang paling zuhud. Terimalah dengan senang apa yang dibahagikan oleh Allah untukmu, maka engkau akan menjadi orang yang paling kaya. ”

Taman Rehlah

Pusat Rekreasi & Latihan

TAMAN REHLAH

Sesuai dengan persekitaran dan alam semulajadi, Taman Rehlah dibangunkan khusus bagi memenuhi keperluan sebagai Pusat Rekreasi dan Latihan yang terunggul di Kelantan.

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN MELIPUTI

Kemudahan Rekreasi

Aktiviti Halangan

Sebagai unit perniagaan Permodalan Kelantan Berhad, ia akan memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah memuaskan, selesa dan dapat memenuhi keperluan semua golongan.

KEMUDAHAN

6 unit Chalet berkembar

6 unit Teres yang selesa

Asrama untuk 100 peserta

Perkemahan untuk 200 peserta

Dewan serbaguna untuk seramai 400 orang

Aktiviti halangan air dan tali

Padang permainan dan sukaneka

Surau untuk 200 orang

AKTIVITI

Aktiviti lasak berhalangan, Senaman pagi dan Kawat Merentasi Sungai, Jambatan Gantung, Aktiviti Pantai, Sukaneka, Perkemahan, Memanjat Tembok, Berakit mengelilingi Pulau, Berkayak dan sebagainya.

PERKHIDMATAN

Acara Tahunan, Hari Keluarga,

B-B-Que, Program Motivasi atau Kembara,

Team Building, Halangan Tali Rendah dan

Tinggi, Trekking, Abseiling atau Rapelling.

LOKASI

Taman Rehlah terletak di Pantai Bisikan Bayu, Semerak atau dikenali dengan nama Pantai Dalam Rhu. Jaraknya hanya 16km daripada Bandar Pasir Putih atau 10km daripada bandar Besut. Ia senang dikunjungi dengan pengangkutan sendiri atau perkhidmatan bas.



Halangan Bergayot



Chalet yang Selesa



Surau



Picnic Makan Pantai



B-B-Que

Taman Rehlah

Pusat Rekreasi & Latihan

(Sebuah Unit Perniagaan, Permodalan Kelantan Berhad No. 70168-U)

Pantai Bisikan Bayu, Semerak, Pasir Putih, Kelantan.

Tel: 09-6919887 Faks: 09-6918358